



1. JAWATAN	: PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
	PELANCONGAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pentadbiran Awam / Pengurusan atau bidang bersesuaian.

Kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang sama adalah kelebihan.
- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I:

1. Mengetuai salah satu Bahagian di dalam Jabatan.
2. Membantu menyediakan kertas dasar dan membuat penelitian dan penilaian kesesuaian program dan projek.
3. Bertugas selaku penyelaras dalam perhubungan mengenai perancangan dan perkembangan dasar, strategi, program projek mengenai pelancongan.
4. Membantu dalam kerja-kerja dalam pengurusan serta pengendalian projek khususnya dibidang pelancongan.
5. Membantu dalam pelaksanaan dasar, strategi dan projek.
6. Melaksanakan kerja-kerja kajian, mengumpul data maklumat (statistik) tentang perdagangan, pelancongan dalam dan luar negeri serta menilai dan menyediakan laporan program berkenaan.
7. Merancang dan melaksanakan program latihan / seminar / bengkel yang berkaitan mengikut keperluan.
8. Sebagai pegawai rujuk dalam bidang-bidang yang berkaitan serta membimbing pengusaha-pengusaha dari semasa ke semasa.
9. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.